



## **KENYATAAN MEDIA**

### **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR**

### **ISU KEMATIAN PENYU DI KERTEH, TERENGGANU**

**14 MEI 2016**

---

Saya memandang serius mengenai isu kematian penyu di Kerteh yang dilaporkan dalam media baru-baru ini. Saya amat berharap Jabatan Perikanan Malaysia dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) akan mengambil tindakan pantas dan tegas berhubung kejadian ini.

Saya ingin menjelaskan bahawa insiden ini berlaku di satu pulau kecil di Kuala Sungai Kerteh, Terengganu dan bukannya di pulau taman laut. Pulau taman laut adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM) yang merupakan sebuah jabatan di bawah kementerian saya.

Berdasarkan laporan awal, kematian penyu akibat pukot perikanan terutama pukot hanyut or gillnet dengan mata pukot saiz besar lebih 10 inci. Pukot ini adalah sangat berkesan bagi menangkap ikan pari tetapi pukot tersebut merupakan satu ancaman besar kepada penyu. Justeru, pukot ini telah diharamkan dalam Akta Perikanan 1985.

Memandangkan isu kematian penyu ini amat serius dan untuk melindungi organisma dalam perairan taman laut seperti penyu maka Kementerian saya

dan JTLM sedang merangka akta baru untuk melindungi semua organisma dan habitat mereka dalam perairan taman laut termasuk penyu dan habitat penyu.

Saya menjangkakan bahawa Akta baru tersebut akan dikuatkuasakan pada tahun 2018.

Saya menyeru agar semua pihak mengambil iktibar dari kejadian ini untuk melindungi biodiversiti kita dan kesedaran awam perlu dipertingkatkan di semua peringkat masyarakat termasuk golongan nelayan.